

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG  
[ ALOR GAJAH ]**

**SOALAN :**

**YB Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kekuatan anggota Agensi Pengurusan Bencana Negara yang bersiap sedia untuk sebarang insiden banjir dan cara untuk menghebahkan informasi banjir dan maklumat terkini kawasan banjir kepada orang ramai.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) ditubuhkan bagi memperkemaskan struktur pengurusan bencana Negara serta mewujudkan sinergi antara agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana termasuk agensi tindak balas. Agensi ini seterusnya mengambil alih peranan MKN sebagai agensi peneraju (National Focal Point) dalam pengurusan bencana Negara di peringkat ASEAN, rantau Asia dan seluruh dunia.

NADMA diterajui oleh seorang Ketua Pengarah yang bertanggungjawab terus kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang memegang portfolio pengurusan bencana. Ketua Agensi ini berperanan penuh sebagai penasihat utama kepada YB Menteri selain menggubal, menyelaras serta memantau pelaksanaan dasar dan arahan berkaitan pengurusan bencana. NADMA dipecahkan kepada empat (4) sektor utama iaitu Perancangan dan Dasar, Pelaksanaan Operasi, Pengurusan Pasca Bencana dan Khidmat Pengurusan. Setakat ini, jumlah pegawai dan kakitangan di NADMA ialah seramai 74 orang.

NADMA turut diperkuuhkan dengan keanggotaan 132 orang anggota *Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team (SMART Team)* yang sentiasa bersiap sedia untuk digerakkan bagi menghadapi sebarang insiden bencana termasuk banjir. Sektor Pelaksanaan Operasi NADMA akan mengkoordinasi tugas-tugas lapangan dan persediaan NADMA dalam menghadapi sebarang insiden bencana termasuk banjir. Selain daripada itu, hubungan rapat NADMA dengan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (JPAM) yang bertindak

sebagai sekretariat pengurusan bencana di peringkat negeri dan daerah membantu meningkatkan kesiapsiagaan dan ketahanan komuniti dan masyarakat setempat dalam menghadapi bencana.

NADMA selaku setiausaha kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) sentiasa berhubung dengan agensi dan jabatan yang terlibat dalam pengurusan bencana untuk mendapat serta menghebah maklumat terkini situasi bencana. NADMA juga telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat penyiaran radio dan televisyen tempatan untuk menghebahkan informasi banjir dan maklumat terkini kawasan banjir kepada orang ramai melalui siaran radio dan televisyen. Orang awam juga boleh melayari Portal Bencana NADMA bagi mendapatkan maklumat terkini berkenaan keadaan semasa banjir di seluruh negara di alamat <http://portalbencana.ndcc.gov.my/portal>.

Di samping itu, orang awam juga boleh menghubungi Pusat Kawalan Bencana Negara (*National Disaster Command Centre – NDCC*) di talian 03-8064 2400 atau emel kepada [opsroom@ndcc.gov.my](mailto:opsroom@ndcc.gov.my) untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenai maklumat terkini keadaan semasa banjir. Tambahan lagi, hebahan informasi dan maklumat terkini situasi bencana juga disalurkan ke peringkat akar umbi melalui JPAM Daerah serta JKKK dan JKPPK.

Sekian. Terima kasih.